



TERMA DAN SYARAT KEMPEN "ZAKAT DAN WAKAF BERSAMA AGROBANK"

1. TEMPOH KEMPEN

- 1.1. Kempen Zakat Dan Wakaf Bersama Agrobank ("Kempen") dianjurkan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) ("Bank") bermula dari **1 November 2020 sehingga 30 April 2021** ("Tempoh Kempen").

2. KELAYAKAN

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Agro Visa Debit-*i* termasuk pelanggan baharu dan sedia ada serta pemegang akaun simpanan yang aktif (kecuali kakitangan Jabatan Kempen dan Promosi, Bank Pertanian Malaysia Berhad) sama ada Warganegara Malaysia ataupun Bukan Warganegara Malaysia ("Peserta").
- 2.2 Peserta perlu melakukan transaksi Zakat dan Wakaf menggunakan perbankan internet AGRONet, JomPAY ATAU di kaunter bank.

3. KRITERIA PENYERTAAN DAN PEMILIHAN PEMENANG

- 3.1 Peserta perlu memiliki akaun simpanan, Kad Agro Visa Debit-*i* yang aktif dan telah mendaftar sebagai pengguna perbankan internet AGRONet.
- 3.2 Tiada jumlah minimum diperlukan bagi melayakkan diri untuk menyertai Kempen ini dan pemenang akan dipilih melalui konsep cabutan secara rawak.
- 3.3 Peserta akan mendapat satu (1) Mata Penyertaan (MP) bagi setiap transaksi yang dilakukan
- 3.4 Mata Penyertaan bagi produk dan perkhidmatan adalah seperti berikut:

Produk/ Jenis perkhidmatan	Mata Penyertaan
Pembayaran Zakat menerusi AGRONet	1
Sumbangan Wakaf**	1

***Sumbangan Wakaf minima sebanyak RM50.00 layak untuk mendapat Mata Penyertaan.*

- 3.5 Terdapat dua jenis kategori hadiah iaitu Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama.
- 3.6 Bagi pemenang Hadiah Bulanan, pemilihan pemenang akan dibuat berdasarkan Mata Penyertaan (MP) untuk bulan tersebut.
- 3.7 Bagi pemenang Hadiah Utama, pemilihan pemenang akan dibuat berdasarkan Mata Penyertaan (MP) untuk enam (6) bulan sepanjang Tempoh Kempen.

4. HADIAH

4.1 Hadiah Kempen adalah seperti berikut:

A) Hadiah Bulanan

Tempoh Kempen	Bil. Pemenang	Akaun AgroPrimaS (RM)/pemenang
November 2020	4	500.00
Disember 2020	4	500.00
Januari 2021	4	500.00
Februari 2021	4	500.00
Mac 2021	4	500.00
April 2021	4	500.00

B) Hadiah Utama

Hadiah	Bil. Hadiah/pemenang
Hadiah Utama: Yamaha Lagenda 115Z	1
Hadiah Utama ke-2: Telefon Pintar Oppo bernilai RM1,000.00	1
Hadiah Utama ke-3: Kad Petrol Petronas Bernilai RM200.00	3

- 4.2 Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada individu lain atau pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai atau barang lain.
- 4.3 Pihak Bank berhak untuk menukar, mengubah atau menggantikan mana-mana hadiah dengan produk, model, jenama atau warna yang berbeza dengan nilai yang sama pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.
- 4.4 Cabutan bagi Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama akan dilaksanakan selepas Kempen tamat.

5. NOTIS PEMBERITAHUAN PEMENANG

- 5.1 Pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank dan nama pemenang akan diumumkan di dalam laman web Bank (www.agrobank.com.my).
- 5.2 Pemenang tidak layak memenangi lebih dari satu (1) Hadiah Bulanan tetapi layak untuk cabutan Hadiah Utama.
- 5.3 Sekiranya pemenang tidak hadir untuk menuntut hadiah, hadiah akan diberikan kepada Peserta lain.
- 5.4 Bagi Hadiah Bulanan, pembukaan Akaun AgroPrimaS akan dibuat di atas nama pemenang.
- 5.5 Hadiah Utama akan dihantar terus kepada pemenang.

6. UMUM

- 6.1 Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen ini, Peserta Kempen telah bersetuju untuk terikat kepada Terma dan Syarat Kempen dan keputusan Bank berkaitan dengan Kempen ini.
- 6.2 Peserta dinasihatkan supaya memeriksa yuran dan/atau caj yang mungkin dikenakan ke atas sebarang transaksi yang dilakukan oleh Peserta berkaitan dengan Kempen ini.
- 6.3 Berdasarkan kepada Terma dan Syarat yang tertera di sini, segala keputusan yang telah dibuat oleh pihak Bank berkaitan dengan keputusan pemenang adalah muktamad. Sebarang aduan atau rayuan terhadap mana-mana

keputusan yang berkaitan dengan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Bank tidak akan dilayan.

- 6.4 Sebarang pindaan terhadap Terma dan Syarat akan dimaklumkan kepada peserta melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh Bank, tidak terhad kepada pos, pemberitahuan dalam media massa, mempamerkan notis di cawangan Bank, melalui transmisi elektronik atau dengan makluman di laman web Bank atau di ATM atau terminal lain di bawah kawalan Bank.
- 6.5 Untuk mengelakkan sebarang kesulitan, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau kos yang dialami/ ditanggung oleh Peserta, secara langsung atau secara tidak langsung bagi tujuan Kempen ini dan/ atau terhadap pembatalan, penamatian, penggantungan atau lanjutan Tempoh Kempen.
- 6.6 Sekiranya terdapat sebarang keraguan, ketidakaksahihan atau pertikaian melibatkan pemahaman kepada Terma dan Syarat pada sebarang material promosi Kempen ini, Terma dan Syarat di dalam Bahasa Inggeris akan digunakan.
- 6.7 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank termasuklah untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan atau memproses nama Peserta, nombor kad pengenalan diri / pasport dan butir-butir lain ("Data Peribadi") (jika diperlukan) bagi menjayakan Kempen ini. Peserta juga bersetuju untuk terikat dengan notis privasi Bank yang dipaparkan di laman web Bank. Segala perkara berkaitan data peribadi untuk Kempen ini akan dipantau oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan mana-mana undang-undang yang berkaitan di Malaysia.
- 6.8 Kempen dan Terma dan Syarat ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia.

<Penutup Klaus>